



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

4 Disember 2015 / 22 Safar 1437

Menghayati Akhlak Nabi: Hubungan Dengan Allah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan, kenangkanlah perjalanan Rasulullah s.a.w. Amatilah usaha dan sunnah beliau agar kita dapat membina daya tahan diri dalam melaksanakan segala perintah Allah serta menjauhi segala laranganNya. Renunglah selalu firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang-orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.*”

Saudara,

Ayat ini mengingatkan bahawa seandainya kita ini benar-benar mengharapkan kasih sayang Allah di dunia dan di akhirat, tauladan Saidina Muhammad s.a.w. menjadi kuncinya. Dan di antara banyak contoh kelebihan dan kemuliaan akhlak Saidina Rasul adalah adabnya dengan Tuhannya. Ya saudara! terlalu sering kita mendengar adab sesama manusia, namun keunggulan dan kehebatan nilai serta ajaran Rasulullah s.a.w. bermula dengan adabnya yang tinggi dengan Tuhan Sang Penciptanya sendiri yang telah melantiknya sebagai utusan dan NabiNya.

Rasulullah s.a.w merupakan insan yang paling berhati-hati agar tidak menimbulkan kemurkaan Allah. Beliau lah insan yang paling mengasihi dan menyayangi Allah s.w.t. Waktu yang paling disukainya merupakan saat-saat di mana beliau bermunajat kepada Tuhannya jauh daripada pandangan

manusia. Meskipun Baginda Rasulullah dikurniakan Allah karamah yang luar biasa serta jaminan akan tempat yang mulia di dalam syurgaNya, tidak pernah ia melalaikan Nabi s.a.w. daripada mengingati Allah. Meskipun Nabi s.a.w. diuji dengan pelbagai ujian yang dahsyat dalam perjalanan dakwahnya, ia tidak menyebabkan Nabi s.a.w. mengeluh mahupun melupakan nikmat serta kemuliaan yang telah Allah kurniakan kepadanya apabila beliau dilantik sebagai utusan pilihannya.

Bahkan diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari bahawa Saidatina Aisyah mendapati Rasulullah s.a.w. sentiasa melaksanakan solat malam tanpa henti, bahkan seakan-akan memaksa diri hingga kakinya bengkak-bengkak. Sehingga ditanya oleh Saidatina Aisyah, “Mengapakah engkau berbuat seperti ini? Bukankah Allah telah menjamin untuk mengampuni segala dosa-dosamu?” Rasulullah menjawab, “*Tidakkah patut (oleh yang demikian) aku menjadi hamba Allah yang banyak bersyukur*”. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Subhanallah Saudara! Inilah adab Rasulullah s.a.w. dengan Tuhannya. Baginda tidak melupakan Tuhannya tatkala telah dikurniakan kemuliaan. Baginda bahkan menambah ibadahnya sebagai tanda syukur dan terima kasihnya kepada TuhanNya atas kemuliaan yang diterima.

Begitu juga hendaknya kita ini saudara. Semakin Allah mencurahkan nikmat kepada kita semakin giatlah ibadah kita kepadanya. Semakin tinggi rasa syukur dan penghargaan kita untuk Allah. Ini adalah merupakan adab Nabi s.a.w. kepada Allah s.w.t. Allah mengurniakan kita rezeki, kehidupan, keluarga, kegembiraan, anggota tubuh, kesihatan, keimanan, keamanan hidup dan banyak lagi. Namun berapa seringkah kita ini meluangkan masa bermuhasabah menghitung dan mengingatkan diri kita betapa banyaknya nikmat yang Allah berikan kepada kita? Sejauh manakah telah kita lahirkan kesyukuran kita kepadaNya? Berapa sering kita bermunajat dan bersujud syukur melafazkan “*Alhamdulillah*” dengan hati yang celik dan penuh dengan kesedaran akan nikmat-nikmat Allah?

Saudara,

Dalam mengharungi kehidupan di dunia pasca-kemodenan ini, adalah mudah untuk kita terikut dalam perlumbaan untuk mendapatkan kebendaan yang baru. Lihat sahaja keadaan kita hari ini, kita tidak mudah merasa puas dengan telefon bijak yang sudah berumur setahun. Kita tidak mudah berasa puas dengan baju yang sedia ada. Kita ingin perkakas rumah yang baru, kita inginkan perhiasan yang baru, kita inginkan kenderaan yang lebih baik sedangkan yang sedia ada masih baik.

Bukanlah tujuan saya untuk mengatakan bahawa Islam menghalang kita mencapai kehidupan yang mewah, selesa dan berkualiti. Sama sekali tidak. Namun dalam kita mengejar kehidupan yang lebih baik dan berkualiti jangan sampai ia mencabut daripada hati kita perasaan bersyukur dan cukup atau *qanaah*. Ini kerana apabila dua perasaan ini dicabut daripada jiwa kita, ia akan hilang arah. Kita akan kehilangan rasa ketenangan dan kedamaian dengan apa yang ada. Kita akan merasakan bahawa hidup kita belum lagi cukup bahagia. Ini akan akhirnya boleh menyebabkan kita untuk kemurungan dan menghasilkan tekanan jiwa yang tidak sihat.

Sebab itulah juga Nabi s.a.w. mengajarkan kepada kita agar berdoa dan memohon kepada Allah s.w.t. dengan doa:

رَبِّ قَنِّعْنِي بِمَا رَزَقْتَنِي وَ بَارِكْ لِي فِيهِ وَ اخْلُفْ عَلَيَّ كُلَّ غَائِبَةٍ لِي بِخَيْرٍ

Yang bermaksud: *“Wahai Tuhanku cukupkanlah daku dengan rezki yang Kau kurniakan kepadaku dan berkati daku dengannya serta gantikan bagiku daripada apa yang musnah daripadanya dengan yang lebih baik.”* [Hadith riwayat Al-Hakim]

Saudaraku,

Adab Nabi untuk bersyukur kepada Allah s.w.t. ini bukan sahaja memperbaiki hubungan kita dengan Allah s.w.t. Ternyata ia mempunyai kesan kepada kesihatan mental dan jiwa kita di dunia ini lagi. Kita perlu mendidik diri dan anak-anak kita agar

mereka juga belajar menjadi orang yang tidak lupa untuk bersyukur kepada Allah.

Bahkan lebih penting lagi, kita perlu merubah sikap kita dalam beribadah. Apabila kita beribadah kepada Allah, ia tidak seharusnya hanya kerana kita ingin melepaskan kewajipan kita kepadaNya tetapi lebih daripada itu, ia adalah sebagai tanda syukur kita kepada Allah. Setiap sujud dan ruku'. Setiap hari kita berpuasa dan beribadah tidak lain dan tidak bukan adalah kerana kita kasihkan Allah. Kita menghargai Allah s.w.t. dan mengharapkan agar nikmat yang dikurniakan Allah ini adalah sesuatu yang diberkatiNya dan bukan yang melalaikan kita daripadaNya.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita rasa cinta kepadaNya, rasa cinta kepada amal ibadahNya. Dan semoga kita digolongkan daripada golongan yang Allah kurniakan kemaafan serta diampunkan segala dosa kesilapan. Amin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.